

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OGOS 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 36

**TNB, EPU bekerjasama anjur seminar tenaga bersih dan mampan**

# TNB, EPU bekerjasama anjur seminar tenaga bersih dan mampan

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Bhd (TNB) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan seminar mengenai Matlamat Pembangunan Mampan 7 (SDG7) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menumpukan kepada usaha Malaysia ke arah tenaga mampu milik, mampan dan bersih.

TNB berkata, sebagai syarikat utiliti negara, ia 'dalam kedudukan pemacu untuk mencapai peralihan tenaga negara' dan komited untuk menjayakan objektifnya dalam alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Bertemakan 'Perjalanan Menuju Peralihan Tenaga', seminar itu bertujuan menonjolkan peranan dan usaha kolektif merentasi sektor awam dan swasta untuk membangunkan dan menyokong sasaran SDG PBB di negara ini.

"TNB dan EPU bersama-sama berusaha untuk memberi tumpuan kepada matlamat negara bagi memastikan tenaga yang mampu dimiliki, boleh diharap, mampan dan bersih," menurut TNB dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dijadual menyampaikan ucapan tama dalam seminar berkenaan yang akan diadakan pada Selasa, 9 Ogos 2022.

Sementara itu, perbincangan panel bertajuk 'Kerjasama Ke Arah Masa Depan Tenaga Bersih di Malaysia' akan menampilkan ahli panel terkemuka daripada industri dan pihak



**Seminar SDG7 bertemakan 'Perjalanan Menuju Peralihan Tenaga' bertujuan membangun dan menyokong sasaran SDG PBB di negara ini.**

berkepentingan lain. Ini sejajar mengerakkan Malaysia ke arah matlamat membentuk kerjasama awam-swasta.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Abdul Razib Dawood akan turut mengadakan pembentangan bertajuk 'Peranan Masyarakat Ke Arah Masa Depan Tenaga Bersih di Malaysia' pada seminar itu.

Pendaftaran secara dalam talian kini boleh dilakukan melalui [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my). -Bernama